

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI (DAP)
TARIKH : 4 OGOS 2020

SOALAN

TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan menyemak atau mengekal Kerangka Dasar Luar Negeri 2019, hubungan dengan China, Jepun dan Amerika Syarikat

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Cheras di atas soalan yang dikemukakan.

2. Merujuk kepada soalan yang diajukan, prinsip asas dasar luar Malaysia masih kekal sejak kemerdekaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa melakukan perubahan kepada pendekatan Dasar Luar Negeri sejajar dengan keperluan domestik dan cabaran-cabaran geopolitik.

3. Perkara ini sentiasa bersifat dinamik, ia bersandarkan kepada jalinan hubungan diplomatik Malaysia dengan semua negara. Malaysia harus melibatkan diri secara aktif dalam negara-negara berkecuali (*non-aligned*) dan berusaha untuk menyumbang secara positif ke arah penyelesaian konflik secara aman di serata dunia.

4. Untuk makluman ahli dewan, Landskap Domestik, Serantau dan Antarabangsa mengalami perubahan yang ketara disebabkan oleh perkembangan terkini termasuklah penularan pandemik COVID-19.

5. Maka disebabkan hal tersebut, Kerajaan perlu mengambil pendekatan pelaksanaan diplomasi yang lebih proaktif dan responsif. Ini termasuklah dengan mengambil kira landskap baru global yang perlu diteliti dan diselami bersama.

6. Oleh demikian, harus saya tekankan bahawa Malaysia mengamalkan prinsip berkecuali dan menjalinkan hubungan dengan negara-negara lain tanpa mengira ideologi. Negara kita juga tidak mencampuri urusan dalaman sesebuah negara lain dan posisi ini akan sentiasa menjadi teras Dasar Luar Negeri Malaysia.

7. Sidang dewan yang dihormati, Malaysia bukan sahaja sebagai negara rakan dagang, tetapi Malaysia merupakan sebuah negara berdaulat yang perlu dipelihara maruah, kedaulatan dan integritinya, disamping menjunjung prinsip-prinsip asas dan memelihara kepentingan negara.

8. Bagi negara-negara yang disenaraikan iaitu China, Jepun dan Amerika Syarikat, mereka bukan sahaja rakan dagang utama kepada Malaysia tetapi mereka juga merupakan rakan rapat dalam kepentingan yang lain seperti geo-politik, sosial, sains dan teknologi dan banyak lagi.

9. Justeru, Kerajaan akan berterusan memupuk hubungan yang baik dan akrab dengan negara-negara tersebut dan juga negara-negara yang lain agar kedaulatan dan kepentingan negara kita sentiasa dipertahankan dan dipelihara.

Sekian, terima kasih.